

Senarai Semak (Khusus) Bagi Permohonan Lesen Komposit

Table of Contents

LAMPIRAN 1	4
PERMOHONAN PREMIS TADIKA / TASKA / TASKI / PUSAT JAGAN / PUSAT MENGAJAR / PUSAT TUISYEN	4
LAMPIRAN 2	6
SYARAT KHAS PREMIS PUSAT KECANTIKAN DAN PUSAT PENJAGAN KESIHATAN	6
LAMPIRAN 3	7
GARIS PANDUAN PENGAWALAN PERNIAGAAN DAN REKABENTUK PUSAT SIBER/KAFE SIBER	7
LAMPIRAN 4	12
SYARAT KHAS PERMOHONAN PUSAT PERKHIDMATAN CUCIAN KENDERAAN	12
LAMPIRAN 5	14
SYARAT KHAS PERMOHONAN PUSAT AKSESORI KENDERAAN	14
LAMPIRAN 6	16
SYARAT KHAS PERMOHONAN PUSAT PERKHIDMATAN TAYAR KENDERAAN	16
LAMPIRAN 7	18
SYARAT KHAS PERMOHONAN PUSAT PERKHIDMATAN BENGKEL	18
LAMPIRAN 8	20
SYARAT KHAS PREMIS HOTEL	20
LAMPIRAN 9	21
SYARAT KHAS BAGI PERMOHONAN PREMIS MELIBATKAN PENYELIAAN MAKANAN	21
LAMPIRAN 10	24
SYARAT KHAS BAGI PERMOHONAN MELETAK BARANG DI HADAPAN PREMIS (BDP) PERNIAGAAN	24
LAMPIRAN 11	25
SYARAT KHAS BAGI PERMOHONAN GERAJ DALAM PREMIS (GDP) PERNIAGAAN	25
LAMPIRAN 12	26
SYARAT KHAS BAGI PERMOHONAN PEMASANGAN / PERKHIDMATAN MENARA / PENCAWANG TELEKOMUNIKASI	26
LAMPIRAN 13	27
SYARAT KHAS BAGI PERMOHONAN LESEN PREMIS MINUMAN KERAS DAN BERALKOHOL	27
LAMPIRAN 14	28
SYARAT KHAS BAGI PERMOHONAN LESEN ANJING	28
LAMPIRAN 15	30
SENARAI SEMAK DOKUMEN LESEN PERNIAGAAN TANPA CF DI KAWASAN PREMIS TANPA KELULUSAN MAJLIS / BANGUNAN KERAJAAN	30

LAMPIRAN 16	33
SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN LESEN INDUSTRI TANPA CF DI BAWAH PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN (KTK) DI DALAM KAWASAN.....	33
MAJLIS BANDARAYAY SHAH ALAM	33
LAMPIRAN 17	34
SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN (1 JAM)	34

LAMPIRAN 1

SENARAI SEMAK KHAS

PERMOHONAN PREMIS TADIKA / TASKA / TASKI / PUSAT JAGAAN / PUSAT MENGAJAR / PUSAT TUISYEN				
		DIISI OLEH PEMOHON	(KEGUNAAN PEJABAT) DIISI OLEH PETUGAS KAUNTER (v)	
		(v)	ADA	TIADA
1.	<u>SURAT KEBENARAN MERANCANG</u> Salinan Surat Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) Perubahan Material Penggunaan Bangunan terkini bagi Tadika/Taska/Taski/Pusat Jagaan (premis KEDIAMAN sahaja). <i>(Kecuali tapak/bangunan khas untuk Tadika/Taska/Pusat Jagaan).</i>			
2.	<u>SURAT RUJUKAN</u> Surat rujukan daripada jabatan berkaitan :- i. Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi permohonan Taska/ Taski /Pusat Jagaan/Pusat Warga Emas/Pusat Golongan Kurang Upaya. ii. Jabatan Pendidikan bagi permohonan Tadika/Pusat Tuisyen/Pusat Perkembangan Minda. iii. Jabatan Agama Islam bagi permohonan Taski/Tadika Islam.			
3.	<u>KESESAKAN LALULINTAS</u> i. Pengusaha dikehendaki memastikan kenderaan ibubapa tidak diletakkan di hadapan rumah jiran dan menghalang laluan keluar/masuk jiran berhampiran. ii. Pengusaha dikehendaki menetapkan tempoh masa tertentu penghantaran/pengambilan pelajar untuk mengelakkan kesesakan lalulintas dan memaklumkan kepada ibubapa pelajar peraturan-peraturan sewajarnya yang perlu diberi perhatian semasa menghantar dan mengambil pelajar.			
4.	<u>BUNYI BISING</u> Pengusaha dikehendaki sentiasa memastikan aktiviti yang dijalankan tidak menimbulkan kacau ganggu (bunyi bising) kepada jiran berhampiran dengan menyediakan bilik/ruang tertutup yang berhawa dingin.			
5.	<u>KESELAMATAN PELAJAR/JIRAN BERHAMPIRAN</u> i. Pengusaha dikehendaki sentiasa memastikan keselamatan pelajar dijaga. Pelajar tidak dibenarkan berkeliaran di kawasan sekitar tanpa dikawalselia oleh guru/ibubapa pelajar. ii. Pengusaha dikehendaki memaklumkan kepada ibubapa supaya dapat memberi kerjasama dengan tidak memandu laju dalam kawasan tersebut bagi memastikan keselamatan jiran berhampiran terutama kanak-kanak yang bermain di hadapan rumah.			
6.	<u>LARANGAN MELETAK KENDERAAN DI TEPI JALAN</u> Memastikan ibubapa tidak meletakkan kenderaan di tepi jalan masuk sekiranya ada aktiviti tertentu dan digalakkan aktiviti seperti 'Hari Ibubapa' dibuat di tempat lain yang lebih sesuai.			

7.	<u>JUMLAH PELAJAR DAN GURU</u> Bilangan pelajar dan guru yang dibenarkan adalah berdasarkan ketetapan di dalam Kebenaran Merancang Majlis.			
8.	<u>PENYEDIAAN TIANG BENDERA</u> Mengemukakan sesalinan gambar tiga (3 unit) tiang bendera mengikut spesifikasi Majlis dengan mengibarkan bendera Malaysia, Negeri Selangor dan MBSA.			
9.	<u>PENYEDIAAN PAPAN TANDA ALAMAT</u> Mengemukakan sesalinan gambarfoto papan tanda alamat di dalam tulisan rumi dan jawi mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Majlis dan permit papantanda hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum memasang papantanda tersebut.			
10.	<u>PENGENAAN KADAR BARU UNTUK TNB, SYABAS DAN CUKAI TAKSIRAN</u> Pengenaan kadar penggunaan tenaga elektrik, air dan cukai taksiran bagi kelulusan tukarguna ini adalah berdasarkan kadar bagi pembangunan komersial yang ditetapkan oleh Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Belakan Air Selangor Sdn Bhd dan MBSA. Pihak pemohon dikehendaki menyelaraskan perkara ini dengan Jabatan tersebut. Sesalinan surat permohonan/makluman ke agensi berkaitan hendaklah dikemukakan selepas Kebenaran Merancang dikeluarkan.			
11.	<u>SURAT KELULUSAN / SOKONGAN DAN MEMATUHI GARIS PANDUAN JABATAN BOMBA</u> i. Mengemukakan surat kelulusan/sokongan daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor. ii. Mematuhi Garis Panduan Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan mensyaratkan keselamatan kebakaran seperti berikut :- a) Segala aktiviti hanya dibenarkan di tingkat bawah. b) Aktiviti memasak hendaklah diasingkan. c) Latihan pegungsian premis hendaklah diadakan sekurang kurangnya setahun sekali. d) Alat pemadam api jenis debu kering yang mencukupi. e) Lampu			
12.	<u>PELAN TAMBAHAN DAN PINDAAN BANGUNAN</u> Mengemukakan salinan surat kelulusan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Negeri Selangor dan Jabatan Bangunan, MBSA bagi cadangan tambahan dan pindaan bangunan yang dibuat (jika terdapat tambahan dan pindaan bangunan).			

LAMPIRAN 2

SENARAI SEMAK KHAS

SYARAT KHAS PREMIS PUSAT KECANTIKAN DAN PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN	
1.	Premis yang boleh dilesenkan adalah :- i. Hotel (Bertaraf 3 Bintang dan Ke Atas), ii. Rumah Kelab, iii. Kompleks Perniagaan/Kompleks Membeli Belah, - Kedai Pejabat/Rumah Kedai.
2.	Hendaklah mengemukakan senarai pekerja di premis
3.	Hendaklah mengemukakan salinan Pasport dan Visa Perjalanan yang sah bagi pekerja Warga Asing (Pasport dan visa terkini perlu disahkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia)
4.	Pemegang lesen tidak dibenarkan membuat apa-apa sekatan (<i>partition</i>) samada berbentuk kekal (konkrit) atau separuh kekal (<i>gypsum board</i>).
5.	Reka bentuk pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan hendaklah mengikut konsep terbuka dan mestilah mempunyai cahaya dan pengudaraan yang sempurna dan mencukupi.
6.	Pintu masuk premis hendaklah cermin telus bagi satu per empat daripada permukaannya dan pintu itu hendaklah tidak dikunci semasa waktu perniagaan.
7.	Pekerja yang memberi rawatan urutan hendaklah lulus pemeriksaan kesihatan oleh seorang pegawai perubatan bagi setiap enam bulan sekali.
8.	Tidak dibenarkan mengambil pekerja / tukang urut di bawah umur 21 tahun.
9.	Pekerja hendaklah berpakaian seragam yang bersih, sopan dan tidak menjolok mata.
10.	Satu buku daftar yang mengandungi nama, No. Kad Pengenalan (warganegara), Pasport dan Visa Dagang (warga asing), alamat kediaman, gambar dan butiran yang berkaitan dengan pekerja dan tukang urut hendaklah disediakan dan sentiasa dikemaskini.
11.	Pekerja yang memberi rawatan hendaklah mengemukakan salinan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) atau Sijil Pertauliahan berkaitan rawatan yang ditawarkan.
12.	Pemegang lesen hendaklah mempamerkan papan tanda yang mudah dilihat untuk dipatuhi oleh pekerja dan pelanggan iaitu:- a) Dilarang merokok b) Dilarang minum arak c) Dilarang main judi
13.	Perlu melantik syarikat yang menguruskan sisa klinikal (jarum dan darah).
14.	Deposit bagi lesen Pusat Kecantikan ialah RM 1,000.00 dan RM 2,000.00 bagi Pusat Penjagaan Kesihatan .

SENARAI SEMAK KHAS

GARIS PANDUAN PENGAWALAN PERNIAGAAN DAN REKABENTUK PUSAT SIBER/KAFE SIBER	
1. PELESENAN	
1.1	Pelesenan premis pusat siber dan kafe siber adalah tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang digunapakai di Malaysia atau lain-lain undang-undang kecil yang difikirkan sesuai oleh PBT berkenaan.
1.2	Lesen yang dikeluarkan oleh PBT hendaklah dipamerkan di kaunter pendaftaran premis.
2. PENGURUSAN	
2.1	Pemegang lesen hendaklah mengurus pusat siber dan kafe siber secara profesional dan melantik seorang pengurus yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang ini.
2.2	Pemegang lesen tidak dibenarkan mengambil mana-mana warganegara asing untuk bekerja di pusat siber dan kafe siber serta perlu mendaftar dengan PBT bagi mendapatkan pas/kad pekerja yang akan dikeluarkan oleh PBT.
2.3	Pemegang lesen tidak dibenarkan mengambil pekerja di bawah umur 18 tahun.
2.4	Pemegang lesen hendaklah memastikan penggunaan 'firewall' sebagai 'web filtering' (penapisan sesawang) untuk menghalang akses kepada laman web lucah, porno, perjudian atau apa-apa laman web atau akses lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Melesen.
2.5	Pemegang lesen hendaklah menyediakan pekerja yang mencukupi (minimum 2 orang pekerja) pada setiap masa bagi mengawasi setiap aktiviti di premis pusat siber atau kafe siber tersebut.
2.6	Pengusaha dilarang mempamerkan iklan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.
3. SYARAT-SYARAT AM REKABENTUK PUSAT SIBER ATAU KAFE SIBER	
3.1	Pintu atau dinding hadapan premis hendaklah menggunakan kaca atau apa-apa benda lutsinar lain dan tidak dibenarkan untuk diwarnakan atau ditampal dengan apa-apa bahan yang menghalang penglihatan.
3.2	Premis hendaklah berkonsep terbuka dengan sistem pencahayaan yang terang.
3.3	Kedudukan komputer hendaklah diletakkan dalam ruangan yang terbuka iaitu tidak berbilik, tidak berpintu dan tidak dibenarkan penggunaan 'partition'.
3.4	Mempamerkan larangan-larangan di pintu hadapan premis (saiz papan tanda hendaklah diselaraskan).
3.5	Bilangan komputer yang dibenarkan adalah berdasarkan ukuran : tidak kurang $3\text{m}^2 = 1$ unit komputer.
3.6	Menyeragamkan papan tanda pusat siber/ kafe siber . Dicadangkan menggunakan warna latarbelakang yang seragam, contoh : warna kuning.
3.7	Aktiviti penyediaan / penjualan makanan dan minuman atau apa-apa aktiviti sampingan hendaklah di ruangan yang berasingan dari aktiviti pusat siber dan kafe siber.

3.8	Menyediakan ruang rehat yang mencukupi bagi pelanggan.
3.9	Memastikan keadaan dalam dan persekitaran premis hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan teratur.
3.10	Semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada halangan dan semua pintu keluar hendaklah boleh diakses pada setiap masa semasa waktu pengendalian.
3.11	Menyediakan tandas yang sempurna dan mencukupi serta berasingan antara lelaki dan wanita serta hendaklah dalam keadaan bersih sepanjang masa.
3.12	Menyediakan tong sampah dengan bilangan yang mencukupi dan hendaklah tertutup sepanjang masa.
4. AKTIVITI YANG DIBENARKAN	
4.1	Aktiviti utama pusat siber dan kafe siber adalah dihadkan kepada aktiviti penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui internet sahaja.
4.2	Aktiviti permainan atas talian (online game) atau 'server game' adalah dibenarkan dengan mematuhi undang-undang bertulis lain yang terpakai di Malaysia.
4.3	Pemegang lesen pusat siber dan kafe siber hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang aktiviti kurang sihat berlaku di pusat siber dan kafe siber sepanjang masa beroperasi. Tindakan segera hendaklah diambil sekiranya berlaku aktiviti kurang sihat di dalam premis pusat siber dan kafe siber.
5. MASA OPERASI	
5.1	Pusat siber dan kafe siber hanya boleh beroperasi sehingga jam 12.00 malam sahaja dan perlu mematuhi syarat-syarat asas seperti berikut : (i) Pengunjung di bawah umur 12 tahun, dibenarkan mengunjungi pusat siber dan kafe siber sehingga pukul 10.00 malam sahaja dengan ditemani oleh ibubapa atau penjaga yang sah sepanjang masa; (ii) Pengunjung berumur 18 tahun ke atas, dibenarkan mengunjungi pusat siber dan kafe siber sehingga pukul 12.00 tengah malam sahaja; (iii) Pelajar yang berpakaian sekolah adalah dilarang memasuki atau berada di dalam premis pusat siber atau kafe siber.
6. KAWASAN OPERASI	

6.1	Pusat siber dan kafe siber dibenarkan beroperasi :- i. Kompleks Perniagaan; ii. Rumah Kedai/Kedai Pejabat (Tingkat Bawah sahaja); iii. Premis binaan sendiri di kawasan Luar Bandar (kelulusan sementara dengan kebenaran Ahli Majlis kawasan).
6.2	Pusat siber dan kafe siber tidak dibenarkan beroperasi berhampiran dengan kawasan-kawasan sensitif seperti masjid, rumah ibadat dan lain-lain kawasan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen. Jarak minima yang dibenarkan hendaklah sekurang-kurangnya 500 meter radius daripada kawasan tersebut.
6.3	Diwujudkan kuota bagi kawasan-kawasan tertentu :- i. Berhampiran Pusat Pengajian Tinggi; ii. Kawasan Pembangunan baru.
7. LARANGAN-LARANGAN	
7.1	Tidak dibenarkan : - i) Apa- apa bentuk aktiviti perjudian; ii) Memuat naik, memuat turun atau mengakses gambar, video atau artikel kurang sopan atau lucah dan yang berunsur hasutan; iii) Penjualan apa-apa bahan bercetak yang berunsur negative dan lucah; iv) Apa-apa bentuk aktiviti hiburan termasuk muzik siar pusat (<i>pipe music</i>); v) Pelajar berpakaian seragam sekolah di dalam premis; vi) Apa-apa penjualan atau penggunaan minuman beralkohol, rokok atau dadah merbahaya di premis; vii) Pelanggan merokok di dalam premis; viii) Menayangkan atau mempamerkan apa-apa gambar yang tidak sesuai dengan adat resam, agama dan nilai murni masyarakat Malaysia; ix) Apa-apa aktiviti kurang sihat di dalam premis
7.2	Menyediakan papan tanda bersaiz 2' x 2' yang menyatakan larangan-larangan di perenggan 7.1 dan syarat masa operasi. Papan tanda hendaklah dipamerkan di pintu masuk hadapan premis.
8. BUKU DAFTAR PELANGGAN	
8.1	Pemegang lesen hendaklah menyediakan buku rekod kemasukan daftar pelanggan yang mengandungi butiran berikut: i) Nama pelanggan; ii) Nombor kad pengenalan atau nombor passport; iii) Alamat terkini; iv) Umur; v) Masa mula dan tamat penggunaan; dan vi) Nama sekolah dan kelas (sekiranya perlu)
8.2	

Buku rekod kemasukan pelanggan hendaklah dikemaskini sepanjang masa, diselenggara dan disimpan pada tempoh minima satu tahun dan hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melesen apabila diminta.

9. LAIN-LAIN

- | | |
|-----|--|
| 9.1 | Lesen boleh dibatalkan sekiranya premis membuat perlanggaran syarat melebihi tiga (3) kali setahun. |
| 9.2 | Kadar fee lesen berdasarkan kepada bilangan mesin dengan mengambil kira peruntukan di dalam UUK Pusat Siber. Semakin banyak jumlah mesin, semakin tinggi fee lesen. Dicaðangkan RM 50.00 bagi sebuah komputer. |
| 9.3 | Deposit lesen juga berdasarkan kepada jumlah bilangan mesin. |

10. CADANGAN REKA BENTUK KAFE SIBER/PUSAT SIBER

10.1

Rekabentuk bagi kafe siber dan pusat siber dibahagikan kepada 3 :

10.1.1 Rekabentuk A :
bagi premis – premis yang beroperasi di pusat membeli belah.

10.1.2 Rekabentuk B :
bagi premis –premis yang beroperasi di lot kedai pejabat/rumah pejabat.

10.1.3 Rekabentuk C :
bagi premis –premis yang beroperasi di kawasan luar bandar

10.1.4 Pembahagian ruang mengikut rekabentuk

REKABENTUK A

BIL.	RUANG LOT KEDAI 30'X 40'	LUAS m2
1.	RUANG REHAT/DAFTAR	30.6
2.	RUANG BILIK KOMPUTER	80.8
3.	JUMLAH KOMPUTER (1 UNIT KOMPUTER BAGI SETIAP 3m ²)	20-22 BUAH

REKABENTUK B

BIL.	RUANG RUMAH KEDAI 22'X 70'	LUAS m2
1.	RUANG REHAT/DAFTAR	24.5
2.	RUANG BILIK KOMPUTER	104.2
3.	JUMLAH KOMPUTER (1 UNIT KOMPUTER BAGI SETIAP 3m ²)	38-40 BUAH

REKABENTUK C

BIL.	RUANG LOT KEDAI 40'X 60'	LUAS m2
1.	RUANG REHAT/DAFTAR	34.2
2.	RUANG BILIK KOMPUTER	141
3.	JUMLAH KOMPUTER (1 UNIT KOMPUTER BAGI SETIAP 3m ²)	40-60 BUAH

SENARAI SEMAK KHAS

SYARAT KHAS PERMOHONAN PUSAT PERKHIDMATAN CUCIAN KENDERAAN				
		DIISI OLEH PEMOHON	(KEGUNAAN PEJABAT) DIISI OLEH PETUGAS KAUNTER (v)	
		(v)	ADA	TIADA
1.	<u>OPERASI</u> Aktiviti ini dibenarkan beroperasi di premis kedai/pejabat dan kedai/pangsapuri kecuali di pusat bandar (Seksyen 14).			
2.	<u>AKTIVITI YANG DIBENARKAN</u> - Cucian buih / 'snow wash' - Mengilap / Polish - Cuci enjin - Cuci kusyen / karpet kereta - Vakum - (cuci karpet rumah tidak dibenarkan)			
3.	<u>JENIS KENDERAAN YANG DIBENARKAN</u> i. Motosikal ii. Kereta iii. Van iv. Kenderaan Pelbagai Guna v. Jenis kenderaan lori tidak dibenarkan di cuci di premis ini			
4.	<u>LOKASI</u> Premis dibenarkan di lot tengah atau lot tepi.			
5.	<u>SISTEM PERPARITAN</u> Perlu mengadakan sistem perparitan (<i>oil interceptor</i>) di sekeliling pusat cuci kereta, perangkap tanah dan minyak sebelum disambung ke lurang (<i>manhole</i>).			
6.	<u>PENYEWAAN TEMPAT LETAK KERETA</u> Penyewaan hanya dibenarkan dua (2) petak tempat letak kereta di hadapan premis berkaitan. Bagi penyewaan tempat letak kereta di lorong belakang hanya 2 petak saja dibenarkan mengikut kesesuaian.			
7.	<u>TANJAKAN /"RAMP"</u> Perlu mematuhi spesifikasi tanjakan /"ramp" berikut:- i. Tanjakan/'Ramp' yang disediakan hendaklah dari jenis mudah alih (yang boleh diangkat dan dialihkan jika aktiviti tidak beroperasi pada hari tersebut). ii. Material tanjakan/'ramp' hendaklah dari jenis besi kukuh berpermukaan rata yang tidak licin dan berwarna terang untuk dibezakan dengan pejalan kaki iii. Tidak menghalang pengaliran air permukaan ke parit erong. iv. Kelandaian tanjakan/'ramp' yang dibenarkan ialah 1:5			

	v. Bagi penyediaan tanjakan / “ramp” di lorong belakang kedudukan adalah bergantung kepada ketinggian lantai kedai dengan aras tanah.			
8.	<u>PEJALAN KAKI SEDIADA</u> Tidak dibenarkan sebarang ubahsuai ke atas pejalan kaki asal. Tiada sebarang aktiviti atau peralatan yang dibenarkan digunakan/diletakkan di atas rezab pejalan kaki.			
9.	<u>PERALATAN BERKAITAN</u> Tiada sebarang peralatan yang dibenarkan diletakkan di luar sempadan daripada lot premis berkenaan.			
10.	<u>TONG SAMPAH (JKAKS)</u> Perlu menyediakan tong sampah MGB (240 liter) bertutup yang sempurna dan sentiasa mengawal kebersihan kawasan.			
11.	<u>HALANGAN DI KAKI LIMA</u> Tidak dibenarkan meletakkan sebarang halangan atau peralatan di kaki lima yang boleh menghalang laluan awam.			
12.	<u>‘ISLAND’ SEDIADA DI KAWASAN TEMPAT LETAK KERETA</u> ‘Island’ di kawasan tempat letak kereta yang disediakan oleh pemaju asal tidak boleh dipecahkan atau dialihkan			
13.	<u>PREMIS LAIN YANG BERSESUAIAN</u> Selain daripada premis kedai pejabat aktiviti pusat mencuci kenderaan juga dibenarkan beroperasi di premis berikut : i. Stesen minyak ii. Bangunan industri iii. Tempat letak kereta di dalam bangunan kompleks perniagaan. (sekiranya ada ruang Tempat Letak Kereta lebihan) iv. Tempat letak kereta terbuka di kawasan persendirian bangunan kompleks perniagaan dan ianya tertakluk kepada lebihan tempat letak kereta dan lokasi yang bersesuaian. (<i>contoh Hypermarket Tesco dan Giant</i>); v. Tanah persendirian yang sesuai dan ianya tertakluk kepada kelulusan jabatan teknikal.			

SENARAI SEMAK KHAS

LAMPIRAN 5

SYARAT KHAS PERMOHONAN PUSAT AKSESORI KENDERAAN				
		DIISI OLEH PEMOHON	(KEGUNAAN PEJABAT) DIISI OLEH PETUGAS KAUNTER (v)	
		(v)	ADA	TIADA
1.	<u>OPERASI</u> Aktiviti ini dibenarkan beroperasi di premis kedai/pejabat dan kedai/pangsapuri kecuali di pusat bandar (Seksyen 14).			
2.	<u>AKTIVITI YANG DIBENARKAN</u> Jenis yang tidak melibatkan servis enjin dan tayar. - Tinted - Lampu - Cermin - Audio system - Stereng - Wiper - Aksesori tambahan - Spoiler / sayap - Sistem hawa dingin - Bateri Aktiviti yang dibenarkan termasuk menjual motor dan membenarkan kerja-kerja servis ringan (minor servis) sahaja dan operasi hendaklah dijalankan di dalam bangunan premis.			
3.	<u>LOKASI</u> Premis dibenarkan di lot tengah atau lot tepi			
4.	<u>PENYEWAAN TEMPAT LETAK KERETA</u> Penyewaan hanya dibenarkan dua (2) petak tempat letak kereta di hadapan premis berkaitan. Bagi penyewaan tempat letak kereta di lorong belakang hanya 2 petak saja dibenarkan mengikut kesesuaian.			
5.	<u>TANJAKAN /"RAMP"</u> Mematuhi spesifikasi tanjakan/"ramp" berikut:- i. Tanjakan/"Ramp" yang disediakan hendaklah dari jenis mudah alih (yang boleh diangkat dan dialihkan jika aktiviti tidak beroperasi pada hari tersebut). ii. Material tanjakan/"ramp" hendaklah dari jenis besi kukuh berpermukaan rata yang tidak licin dan berwarna terang untuk dibezakan dengan pejalan kaki iii. Tidak menghalang pengaliran air permukaan ke parit erong. iv. Kelandaian tanjakan/"ramp" yang dibenarkan ialah 1:5 v. Bagi penyediaan tanjakan/"ramp" di lorong belakang kedudukan adalah bergantung kepada ketinggian lantai kedai dengan aras tanah.			

6.	<u>PEJALAN KAKI SEDIADA</u> Tidak dibenarkan sebarang ubahsuai ke atas pejalan kaki asal. Tiada sebarang aktiviti atau peralatan yang dibenarkan digunakan/diletakkan di atas rezab pejalan kaki.			
7.	<u>PERALATAN BERKAITAN</u> Tiada sebarang peralatan yang dibenarkan diletakkan di luar sempadan daripada lot premis berkenaan.			
8.	<u>TONG SAMPAH</u> Menyediakan tong sampah MGB (240 liter) bertutup yang sempurna dan sentiasa mengawal kebersihan kawasan.			
9.	<u>HALANGAN DI KAKI LIMA</u> Tidak dibenarkan meletakkan sebarang halangan atau peralatan di kaki lima yang boleh menghalang laluan awam.			
10.	<u>'ISLAND' SEDIADA DI KAWASAN TEMPAT LETAK KERETA</u> 'Island' di kawasan tempat letak kereta yang disediakan oleh pemaju asal tidak boleh dipecahkan atau dialihkan			

LAMPIRAN 6

SENARAI SEMAK KHAS

SYARAT KHAS PERMOHONAN PUSAT PERKHIDMATAN TAYAR KENDERAAN				
		DIISI OLEH PEMOHON	(KEGUNAAN PEJABAT) DIISI OLEH PETUGAS KAUNTER (v)	
		(v)	ADA	TIADA
1.	<u>OPERASI</u> Aktiviti ini dibenarkan beroperasi di premis kedai/pejabat dan kedai/pangsapuri kecuali di pusat bandar (Seksyen 14).			
2.	<u>AKTIVITI YANG DIBENARKAN</u> - Jual tayar - Tampal tayar - Tukar tayar - Jual rim - 'Balancing', sistem 'break', tukar 'absorber', 'brake pad' - Tayar dan sistem tayar			
3.	<u>LOKASI</u> Hanya dibenarkan di premis lot tepi (corner lot) dan maksimum premis yang diusahakan oleh pengusaha yag sama (single operator) tidak melebihi 3 lot.			
4.	<u>PENYEWAAN TEMPAT LETAK KERETA</u> Penyewaan hanya dibenarkan maksima 6 (enam) petak tempat letak kereta jika menjalankan operasi 3 unit premis dan lokasi hendaklah di hadapan premis berkaitan. Bagi penyewaan tempat letak kereta di lorong belakang hanya 2 petak saja dibenarkan mengikut kesesuaian.			
5.	<u>TANJAKAN /"RAMP"</u> Mematuhi spesifikasi tanjakan/"ramp" berikut:- i. Tanjakan/"Ramp" yang disediakan hendaklah dari jenis mudah alih (yang boleh diangkat dan dialihkan jika aktiviti tidak beroperasi pada hari tersebut). ii. Material tanjakan/"ramp" hendaklah dari jenis besi kukuh berpermukaan rata yang tidak licin dan berwarna terang untuk dibezakan dengan pejalan kaki iii. Tidak menghalang pengaliran air permukaan ke parit erong. iv. Kelandaian tanjakan/"ramp" yang dibenarkan ialah 1:5 v. Bagi penyediaan tanjakan/"ramp" di lorong belakang kedudukan adalah bergantung kepada ketinggian lantai kedai dengan aras tanah.			
6.	<u>PEJALAN KAKI SEDIADA</u> Tidak dibenarkan sebarang ubahsuai ke atas pejalan kaki asal. Tiada sebarang aktiviti atau peralatan yang dibenarkan digunakan/diletakkan di atas rezab pejalan kaki.			
7.	<u>PERALATAN BERKAITAN</u> Tiada sebarang peralatan yang dibenarkan diletakkan di luar sempadan daripada lot premis berkenaan.			

8.	<u>TONG SAMPAH</u> Menyediakan tong sampah MGB (240 liter) bertutup yang sempurna dan sentiasa mengawal kebersihan kawasan.			
9.	<u>HALANGAN DI KAKI LIMA</u> Tidak dibenarkan meletakkan sebarang halangan atau peralatan di kaki lima yang boleh menghalang laluan awam.			
10.	<u>'ISLAND' SEDIADA DI KAWASAN TEMPAT LETAK KERETA</u> 'Island' di kawasan tempat letak kereta yang disediakan oleh pemaju asal tidak boleh dipecahkan atau dialihkan.			
12.	<u>PREMIS LAIN YANG BERSESUAIAN</u> Selain daripada premis kedai pejabat aktiviti pusat mencuci kenderaan juga dibenarkan beroperasi di premis berikut : v. Stesen minyak vi. Bangunan industri vii. Tempat letak kereta di dalam bangunan kompleks perniagaan. (sekiranya ada ruang Tempat Letak Kereta lebihan) viii. Tempat letak kereta terbuka di kawasan persendirian bangunan kompleks perniagaan dan ianya tertakluk kepada lebihan tempat letak kereta dan lokasi yang bersesuaian. (<i>contoh : Hypermarket Tesco dan Giant</i>); v. Tanah persendirian yang sesuai dan ianya tertakluk kepada kelulusan jabatan teknikal.			

SENARAI SEMAK KHAS

SYARAT KHAS PERMOHONAN PUSAT PERKHIDMATAN BENGKEL				
		DIISI OLEH PEMOHON	(KEGUNAAN PEJABAT) DIISI OLEH PETUGAS KAUNTER (v)	
		(v)	ADA	TIADA
1.	<u>OPERASI</u> Aktiviti ini tidak dibenarkan beroperasi di premis kedai pejabat dan kedai/pangsapuri. Hanya dibenarkan beroperasi di kawasan-kawasan berikut :- • Kawasan Perindustrian (Kilang teres, berkembar atau sesebuah) • Stesen minyak Walau bagaimanapun permohonan boleh dipertimbangkan sekiranya kawasan komersil tersebut dikelilingi oleh kawasan industri seperti Kawasan Komersil, Seksyen 15, Shah Alam (Jalan Soket 15/20) dan Kawasan Perniagaan Bukit Raja, Seksyen 7, Shah Alam.			
2.	<u>AKTIVITI YANG DIBENARKAN</u> - Jual tayar - Tampal tayar - Tukar tayar - Jual rim - 'Balancing', sistem 'break', tukar 'absorber', 'brake pad' - Tukar enjin - Tayar dan sistem roda			
3.	<u>LOKASI</u> Hanya dibenarkan di lot 'corner' dengan maksima 3 lot sahaja.			
4.	<u>SISTEM PERPARITAN</u> Mengadakan sistem perangkap minyak sebelum disambung ke longkang awam.			
5.	<u>PENYEWAAN TEMPAT LETAK KERETA</u> Penyewaan hanya dibenarkan dua (2) petak tempat letak kereta di hadapan premis berkaitan. Bagi penyewaan tempat letak kereta di lorong belakang hanya 2 petak saja dibenarkan mengikut kesesuaian.			
6.	<u>TANJAKAN /"RAMP"</u> Mematuhi spesifikasi tanjakan/"ramp" berikut :- - Tanjakan/'Ramp' yang disediakan hendaklah dari jenis mudah alih (yang boleh diangkat dan dialihkan jika aktiviti tidak beroperasi pada hari tersebut). - Material tanjakan/'ramp' hendaklah dari jenis besi kukuh berpermukaan rata yang tidak licin dan berwarna terang untuk dibezakan dengan pejalan kaki - Tidak menghalang pengaliran air permukaan ke parit erong. - Kelandaian tanjakan/'ramp' yang dibenarkan ialah 1:5 - Bagi penyediaan tanjakan/'ramp' di lorong belakang kedudukan adalah bergantung kepada ketinggian lantai kedai dengan aras tanah.			

7.	<u>PEJALAN KAKI SEDIADA</u> Tidak dibenarkan sebarang ubahsuai ke atas pejalan kaki asal. Tiada sebarang aktiviti atau peralatan yang dibenarkan digunakan/diletakkan di atas rezab pejalan kaki.			
8.	<u>PERALATAN BERKAITAN</u> Tiada sebarang peralatan yang dibenarkan diletakkan di luar sempadan daripada lot premis berkenaan.			
9.	<u>TONG SAMPAH</u> Menyediakan tong sampah MGB (240 liter) bertutup yang sempurna dan sentiasa mengawal kebersihan kawasan.			
10.	<u>HALANGAN DI KAKI LIMA</u> Tidak dibenarkan meletakkan sebarang halangan atau peralatan di kaki lima yang boleh menghalang laluan awam.			
11.	<u>'ISLAND' SEDIADA DI KAWASAN TEMPAT LETAK KERETA</u> 'Island' di kawasan tempat letak kereta yang disediakan oleh pemaju asal tidak boleh dipecahkan atau dialihkan.			

LAMPIRAN 8

SENARAI SEMAK KHAS

SYARAT KHAS PREMIS HOTEL

SYARAT KHAS PREMIS HOTEL	
1.	<u>KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG</u> Mengemukakan permohonan kebenaran merancang perubahan meterial penggunaan bangunan daripada kedai pejabat kepada hotel bajet.
2.	<u>LOT PARKIR KERETA</u> Menyewa 5 petak tempat letak kereta daripada Majlis bagi tujuan kemudahan pengunjung. Sila rujuk ke Bahagian Kutipan & Hasil Majlis bagi tujuan penyewaan tersebut.
3.	<u>PELAN TAMBAHAN PINDAAN</u> Pengusaha dikehendaki segera mengemukakan pelan tambahan dan pindaan bangunan kepada Majlis untuk kelulusan dengan mematuhi syarat-syarat berikut :- i. <u>Tangga Kecemasan</u> Struktur tangga kecemasan (sebagaimana syarat Bomba) hendaklah terletak di dalam sempadan lot premis (tidak dibenarkan didirikan di atas rezab lorong belakang) ii. <u>Surau</u> Menyediakan kemudahan surau untuk kegunaan lelaki dan wanita secara berasingan dengan ukuran 10' x 10' dan tambahan 4' x 2' untuk ruang wudhuk. iii. <u>Sokongan Bomba</u> Mengemukakan surat kelulusan / sokongan daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor.
4.	<u>PENGUDARAAN</u> Mempunyai 10% pembukaan pengudaraan semulajadi berdasarkan luas lantai atau menyediakan pengudaraan mekanikal.
5.	<u>TONG SAMPAH</u> Menyediakan tong sampah dan pembuangan sampah mengikut peraturan Majlis : i. Hotel 4 Bintang ke atas (Leech Bin 1500 Liter)/ RORO/Spiral/ bersesuaian ii. Hotel 1-3 Bintang (MGB 660 Liter)
6.	<u>PAPANTANDA</u> Menyediakan papan tanda alamat dalam tulisan rumi dan jawi mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Majlis.
7.	<u>KACAU GANGGU</u> Memastikan aktiviti yang akan dijalankan kelak tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk sekitar. Pemohon juga perlu menjaga kebersihan tapak dan memastikan aktiviti yang dijalankan kelak bebas dari kegiatan yang menyalahi undang-undang.
8.	<u>AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN</u> Aktiviti yang menyalahi syarat kelulusan lesen seperti urut dan seumpamanya adalah tidak dibenarkan sama sekali.

SENARAI SEMAK KHAS

SYARAT KHAS BAGI PERMOHONAN PREMIS MELIBATKAN PENYELIAAN MAKANAN				
JENIS PREMIS - (RUMAH KEDAI / KEDAI PEJABAT / KOMPLEKS MEMBELI BELAH) –		(RESTORAN / KAFETARIA / TADIKA / TASKA) dan		
